

AMALAN KEROHANIAN DAN KEBATINAN PERTUBUHAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

Mohd Miqdad Aswad Ahmad^{1,a}, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi^{2,b}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
18500 Machang Kelantan

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

^asyirbin@gmail.com, ^bdrkuzaki@gmail.com

Kata kunci: Kerohanian, kebatinan dan Pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis persoalan semasa yang berkait dengan konsep amalan kerohanian dan kebatinan yang terdapat dalam seni bela orang Melayu iaitu dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia ini akan menjadi subjek kajian dalam tesis ini. Terdapat empat tujuan kajian ini dijalankan antaranya ialah pertama mengkaji sejarah dan perkembangan ilmu seni persilatan pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia dan hubungannya dengan konsep kerohanian dan kebatinan. Kedua mengkaji ajaran pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia sama ada menepati kehendak al-Quran dan al-Sunnah serta ijmak Ulama. Ketiga menganalisis pengaruh dan peranan ilmu tasawuf dalam amalan kerohanian dan kebatinan dalam pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Oleh itu, amalan-amalan kerohanian dan kebatinan yang terdapat dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia harus dianalisis supaya bersih daripada amalan yang bertentangan dengan Islam dan pada yang sama amalan kerohanian dan kebatinan ini dapat dipraktikkan dengan niat untuk memelihara agama, jiwa, keturunan, harta dan tanah air bertepatan dengan *maqāsid syar'iyah*.

Pengenalan

Silat merupakan salah satu seni yang sinonim dengan orang Melayu di Nusantara khususnya. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu di Malaysia khususnya beragama Islam mengetahui tentang ilmu persilatan. Terdapat pelbagai jenis silat di Negara ini yang mempunyai pelbagai nama sebagai contohnya: Silat Cekak Malaysia, Silat Gayung Malaysia, Silat Lincah Malaysia, Silat Lintau, Silat Terlak, Silat Harimau, Silat Sendeng, Silat Sepelet dan lain-lain lagi. Walaupun terdapat pelbagai jenis silat di Negara ini dengan kaedah dan teknik serta amalan kerohanian masing-masing, objektifnya tetap serupa iaitu samada membela diri dari diserang dan juga bertindakbalas untuk menewaskan si penyerang dengan cara apa sekalipun.

Di Malaysia ilmu silat atau ilmu mempertahankan diri masih lagi diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Melayu khususnya walaupun terdapat silat Melayu yang sudah terbuka kepada masyarakat non Muslim. Seni Silat adalah sebahagian daripada kebudayaan Malaysia yang sudah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negara ini. Namun begitu, ilmu persilatan tidak asing di Nusantara, kerana di Nusantara inilah tempat lahir ilmu persilatan.

Silat adalah salah satu seni mempertahankan diri daripada pelbagai aliran mempertahankan diri seperti karate, taekwondo, samurai dan lain-lain lagi. Ilmu persilatan dapat digunakan untuk menjaga keselamatan diri, nyawa, harta benda, keluarga, bangsa, Negara dan agama daripada ancaman dan pencerobohan (Hanafi Haji Ahmad, 2009).

Kajian Berkenaan Badan Pertubuhan Silat Melayu

- I. Kajian ini merupakan satu tesis yang ditulis oleh Wan Abdul Halim bin Wan Omar. Tesis ini bertajuk *Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia Sejarah Kemunculan dan Pengaruhnya: Satu Kajian Di Daerah Machang, Kelantan* (Wan Abdul Halim Wan Omar, 2004). Tesis ini mengupas tentang satu kajian berkaitan pengaruh Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia di daerah Machang, Kelantan.

Hasil kajian ini menggambarkan pengaruh Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia terhadap masyarakat khususnya masyarakat yang berada di Machang, Kelantan. Kajian ini menyentuh tentang sejarah kemunculan

Pertubuhan Seni Silat Gayung di Machang, Kelantan yang merupakan salah satu daerah yang terdapat di Kelantan. Kemunculan pertubuhan silat ini di Machang, Kelantan telah memberi satu pilihan terbaru kepada masyarakat setempat untuk mempelajari seni silat. Di akhir kajian beberapa cadangan dikemukakan kepada Pertubuhan Seni Silat Gayung bagi memantapkan lagi usaha-usaha untuk mempengaruhi masyarakat bagi menyertai Pertubuhan Seni Silat Gayung ini.

- II. Kajian ini merupakan satu tesis yang ditulis oleh Aslinda Khamis yang bertajuk *Sejarah Lisan Warisan Dan Perkembangan Seni Silat Gayung Malaysia* (Aslinda Khamis, 2002). Kajian tesis ini adalah berkaitan tentang sejarah warisan yang diwarisi secara lisan tentang perkembangan Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia. Hasil kajian dalam tesis ini mengkaji tentang sejarah perkembangan Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia berdasarkan kajian tentang sejarah perkembangan Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia berdasarkan secara lisan yang disampaikan oleh ahli silat dari semasa ke semasa pada masa dahulu dan masa kini. Kajian ini menunjukkan kaedah lisan boleh diterima pakai dalam mengetahui sesuatu sejarah dan perkembangan sesuatu perubahan sebagai contohnya pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia.
 - III. Terdapat satu tesis yang bertajuk *Amalan Kerohanian Dan Kebatinan Dalam Seni Bela Diri Orang Melayu: Kajian Terhadap Kefahaman Dan Amalan Dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia* (Mohd. Muhaizam bin Md. Ishak, 2009). Dalam kajian ini beliau mengkaji satu pertubuhan silat yang telah lama bertapak di Nusantara. Hasil kajian ini mendapati bahawa amalan kerohanian dan kebatinan yang terdapat dalam silat ini tidak bercanggah dengan agama Islam.
 - IV. Kemudian terdapat satu tesis yang bertajuk *Ulu Ambek, Silat Dan Tari Dalam Adat Minangkabau* (Mohd Nefi Imran Djamaan, 1997). Kajian merupakan satu disertasi peringkat Sarjana. Kajian ini membahaskan tentang sejarah perkembangan seni silat tari dalam adat Minangkabau. Hasil kajian ini menjelaskan tentang hubungkait antara adat masyarakat Minangkabau dengan silat dan Ulu Ambek. Ulu Ambek merupakan sejenis seni silat mempertahankan diri yang dijadikan sebagai tarian untuk sesuatu majlis keramaian bagi masyarakat Minangkabau. Kajian ini dapat menjelaskan peranan Ulu Ambek ini dalam nilai-nilai kehidupan yang positif seperti megeratkan hubungan silaturrahim antara masyarakat.
 - V. Satu kajian dari satu tesis yang bertajuk *Persembahan Luambek Dalam Alek Nagari Di Pariaman Minangkabau Sumatera Barat Indonesia: Makna Dan Falsafah* adalah disertasi Sarjana dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 2015 oleh Darmawati (Darmawati, 2015). Tesis ini bertujuan untuk menjelaskan serta menganalisis makna dan falsafah persembahan Luambek atau Ulu Ambek dalam alek nigari di daerah Pariaman Minangkabau Sumatera Barat Indonesia. Di dalam kajian ini, terdapat kajian tentang kesenian Luambek dalam komuniti masyarakat Pariaman sebagai pemilik dan pendokong yang mewujudkan kesenian ini menjadi bermakna dan mengandungi falsafah disebalik tarian Ulu Ambek ini.
- Hasil kajian ini mendapati falsafah Persembahan Luambek memiliki fungsi-fungsi tertentu, khususnya untuk mengintegrasikan masyarakat sebagai medium keakraban di antara keluarga, masyarakat kampung dengan kampung lainnya. Fungsi lainnya adalah sebagai medium pendidikan moral dan etika dan agama yang mencapai tingkat ketuhanan. Tarian ini juga merupakan satu budaya yang memiliki peranan dalam menyampaikan nilai-nilai adat yang dianut oleh masyarakat, iaitu nilai etika seperti sikap menghormati, patuh, serta menjaga hubungan berdasarkan martabat oleh kaum muda terhadap kaum tua, seperti sikap membela bagi kamanan terhadap *mamak*.
- VI. Menurut Tuan Ismail Tuan Soh dalam tajuk kajiannya *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebun* adalah disertasi Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1986 (Tuan Ismail Tuan Soh, 1986). Kajian ini mengkhususkan perbincangan terhadap Seni Silat Sekebun. Hasil kajian ini mendapati bahawa kajian ini disiplin ilmu persilatan yang terdapat dalam silat ini. Selain itu, pengkaji dapat membuktikan kewujudan silat ini dari sudut sejarah kelahiran Pertubuhan Seni Silat Sekebun. Dalam kajian ini juga, mengkaji secara terperinci beberapa teknik dan disiplin pertahanan dan menyerang dalam amalan silat ini.
 - VII. Terdapat satu kertas yang bertajuk *Amalan Kebatinan Dalam Seni Silat Melayu: Analisis Terhadap Dasar Menentang Lima Perkara Dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia* (Mohd. Muhaizam Md. Ishak, 2012). Kertas kerja ini membincangkan secara khususnya tentang amalan kebatinan dan kerohanian yang terdapat dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia tentang dasar menentang lima perkara yang terdapat dalam syarat penyertaan Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia.

Kajian Berkenaan Badan Pertubuhan Seni Silat Cekak Malaysia

- I. Kajian yang dibuat oleh Halimah Haji Ahmad yang bertajuk *Hanafi Haji Ahmad Dan Seni Silat Cekak* adalah

- disertasi peringkat Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya pada tahun 1977 (Halimah Haji Ahmad, 1977). Kajian ini memulakan kajiannya terhadap tokoh pelopor atau pengasas Pertubuhan Seni Silat Cekak Malaysia iaitu Hanafi Haji Ahmad. Hasil dapatan kajian ini ialah mendapati matlamat Hanafi untuk menghapuskan unsur tahyul dan kurafat yang sedang berleluasa mempengaruhi silat-silat Melayu, Hanafi berjaya memberi kesedaran melalui ceramah-ceramahnya kepada masyarakat khususnya ahli Persatuan seni Silat Cekak itu sendiri.
- II. Terdapat satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Ishak Itam. Kertas kerja bertajuk *Konsep dan Ciri Keagamaan Dalam Silat Cekak* (Ishak Itam, 1992). Kertas kerja ini membahaskan tentang ciri-ciri keagamaan dan kerohanian yang terdapat dalam Silat Cekak. Antara perkara yang dikaitkan dengan rupa bentuk keagamaan dalam Silat Cekak ialah mengaitkan kaedah atau buah dengan ilham daripada solat. Berdasarkan kerja ini, beliau menyatakan matlamat kedua Silat Cekak ialah membasmi tahyul dan khurafat. Perkara-perkara seperti yang disebutkan ini yang dikaji dan dianalisis oleh penulis, untuk melihat sejauh manakah konsep dan amalan keagamaan dalam Silat Cekak ini menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh syariah Islam.
- III. Seterusnya terdapat satu tesis yang bertajuk *Perubahan Peranan Dan Fungsi Insitisi Persilatan Melayu Di Semenanjung Malaysia* (Satoru Tsunashima, 2004). Kajian ini menyajikan tentang perubahan-perubahan peranan dan fungsi insitisi-insitisi atau pertubuhan-pertubuhan seni silat di Semenanjung Malaysia. Kajian lebih mengkhususkan kepada peranan dan fungsi pertubuhan silat dan tidak mengkaji amalan kerohanian silat-silat di Semanjung Malaysia.
- IV. Terdapat satu tajuk kertas kerja yang bertajuk *Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia* (Abdul Majid Ismail, 2002). Kertas kerja ini membincangkan tentang kaedah untuk menerapkan jati diri Melayu melalui pendekatan ilmu bela diri Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Konsep jati diri yang ingin diterapkan oleh Silat Cekak berasaskan kepada konsep sayang diri dan nyawa. Melalui konsep ini terdapat kaedah untuk mendidik jati diri supaya kuat dan mempunyai ketahanan dari anasir yang boleh melunturkan jati diri seorang Melayu dan Islam. Kertas kerja ini tidak membincangkan secara terperinci tentang konsep amalan kerohanian dan kebatinan Silat Cekak Malaysia walaupun wujud perbincangan jati diri ialah budaya dan agama.
- V. Seterusnya satu kerja yang bertajuk *Gejala Sosial di Sekolah Sebagai Kesan Sampingan Pembangunan Dan Cara Mengatasi: Pengalaman Pengamal Ilmu Bela Diri* (Abdul Majid Ismail, Roziah Abdullah, 2003). Kertas kerja adalah hasil perkongsian pengalaman penulis tentang pengamal bela diri khususnya dalam kalangan ahli Silat Cekak Malaysia. Dalam kertas kerja ini penulis menulis tentang punca gejala sosial dalam kalangan remaja dan pada masa yang sama penulis membawakan pengalaman penulis sebagai pengamal dan ahli Silat Cekak Malaysia.
- VI. Seterusnya satu kertas kerja yang bertajuk *Memupuk Nilai Dan Kesejahteraan Keluarga Melalui Ilmu Bela Diri* (Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad, 2006). Kertas ini bertujuan untuk berkongsi tentang bagaimana untuk memupuk nilai dan membina keluarga yang sejahtera berdasarkan ilmu bela diri, khususnya Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Kedua-dua penulis cuba untuk membuktikan ilmu bela diri mampu untuk mendidik dan mensejahterakan keluarga melalui falsafah Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia itu sendiri bukan melalui gerakan fizikal semata-mata.
- VII. Terdapat satu kertas kerja yang membincangkan tentang *Kegiatan Kokurikulum Bukan Punca Pretasi Akademik Pelajar Memurun: Kajian Kes Pelajar Kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia* (Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad, 2008). Dalam artikel ini kedua-dua penulis cuba untuk menjelaskan satu polimik dalam kalangan para pentadbir di insitisi pengajian tinggi di Malaysia (IPT) yang kerap kali membuat keputusan bersandarkan persepsi negatif dan berpaksikan isu-isu terencil tanpa analisis dan data yang konkrit. Kertas kerja ini satu cubaan untuk menangkis hujah para pentadbir di IPT yang terpengaruh dengan persepsi yang negatif. Kajian ini adalah berdasarkan kepada data yang dikutip daripada kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia di Universiti Sains Malaysia. Jelasnya dapatan kajian membuktikan sebaliknya iaitu pelajar yang terus memberi komitmen dengan kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia berjaya meningkatkan mata kumulatif pada setiap semester.
- VIII. Kemudian terdapat satu kertas kerja yang bertajuk *Terpinggirnnya Adab dan Adat Dalam Kehidupan Bangsa di Malaysia: Pengalaman Pengamal Budaya Persilatan, Seni Silat Cekak Malaysia* (Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad, 2011). Kertas kerja ini membincangkan isu-isu berkenaan adab dan adat Melayu Islam yang telah terpinggir daripada amalan harian orang Melayu secara umum dan dalam kalangan pengamal ilmu persilatan secara khusus. Seni silat merupakan salah satu elemen budaya asli yang menerapkan adab dan adat Melayu dengan kukuh dalam bersilat dan dalam kehidupan seharian pengamalannya.
- IX. Seterusnya satu kertas kerja yang bertajuk *Silat Cekak Malaysia: Pergerakan Mono Religion Bukan Mono Race* (Abdul Majid Ismail, Khaharuddin Abdul Rahman, Shahrem Md Ramli, 2012). Kertas kerja ini mengulas beberapa isu penting, pertentangan pendirian yang berkisar dalam pembentukan pembentukan bangsa Malaysia dan isu perpaduan kaum di Malaysia. Kertas kerja ini dihasilkan apabila terdapat beberapa pihak telah membuat tuduhan terhadap Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia sebagai pergerakan “*mono-religion*” dan “*mono-race*” diluas dan dan dijawab berdasarkan latar belakang perjuangan menegakkan dasar agama, bahasa dan budaya rasmi negara berlandaskan peruntukan perlembagaan persatuan ini dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- X. Seterusnya satu jurnal yang bertajuk *Kinematics and Efficacy Analysis of the Seni Silat Cekak Malaysia (Kaedah A)*(Ghazirah Mustapha, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Anwar P.P. Abdul Majeed, Nur Hayati Mohd Yahya, Jamaluddin Mahmud, 2014). Dalam kertas kerja ini para penulis mengkaji tentang pergerakan dan keberkesanan Kaedah A.¹ Kajian ini cuba mencari keberkesanan pergerakan melalui uji kaji secara teknikal bertujuan mencari kelajuan menangkis menggunakan Kaedah A kelajuan tangan menangkis serangan pihak lawan.
- XI. Seterusnya satu jurnal tentang *Measurement System Analysis Of Vs Lite* (Ghazirah Mustapha, Nur Hayati Mohd Yahya, Jamaluddin Mahmud, Mohd Saiful Aizat Mohd Shafie, 2014). Kajian ini mengengahkan bahawa pergerakan-pergerakan dalam Silat Cekak Malaysia adalah pergerakan yang semula jadi atau fitrah kejadian manusia. Kajian dapat menunjukkan pergerakan dalam silat ini berdasarkan sistem atau kaedah ukuran yang dinamakan sebagai ANOVA Gage Repeatability and Reproducibility (*Gage R&R*).
- XII. Seterusnya terdapat satu kertas kerja iaitu *The Mechanical Aspect of Martial Arts: Total Time of Execution And Kinematics of Kaedah A* (Ghazirah Mustapha, Jamaluddin Mahmud, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Muzammer Zakaria, 2014). Kajian ini mengkaji masa untuk menakik serangan berdasarkan kepada Kaedah A iaitu salah satu gerakan untuk menangkis serangan daripada pihak lawan. Kaedah A ialah salah satu gerakan menangkis serangan daripada Seni Silat Cekak Malaysia. Berdasarkan kajian ini kepantasan Kaedah A untuk menangkis serangan adalah di bawah 0.1s.
- XIII. Kertas kerja seterusnya ialah *Biomechanics Research on Martial Art: The Importance of Defensive Study* (Ghazirah Mustapha, Jamaluddin Mahmud, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Muzammer Zakaria, 2014). Kajian ini adalah berkaitan tentang kaedah pertahanan diri Seni Silat Cekak Malaysia. Kajian ini, ingin menyatakan kaedah pertahanan diri amat penting dari kaedah menyerang. Hasil dari kajian ini ialah kebanyakan pertubuhan seni silat adalah menyerang, namun kaedah menyerang adalah kurang efektif, ini disebabkan kaedah pertahanan adalah lebih baik kerana tidak menggunakan tenaga dengan sepenuhnya. Selain itu, tujuan silat seni mempertahankan diri adalah untuk mempertahankan diri sendiri daripada serangan individu lain. Bagi Seni Silat Cekak Malaysia, kebanyakan kaedah adalah mempertahankan lebih diutamakan dan pada masa yang sama untuk menyerang kembali pihak penyerang.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu pelbagai pandangan dan aliran pemikiran serta teori ditemui yang berkaitan dengan subjek kajian. Banyak pihak telah memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan menjalankan usaha-usaha mengengahkan kajian-kajian tentang pertubuhan persilatan, amalan kerohanian dan kebatinan. Hasil kajian-kajian sebelum ini mempunyai dapatan yang berbeza.

Karya-karya ini amat membantu dalam mengenali teori-teori serta konsep amalan kerohanian dan kebatinan dalam ilmu persilatan. Sungguhpun penulis-penulis lepas telah banyak membincangkan mengenai badan pertubuhan silat, aktiviti serta konsep amalan kerohanian dan kebatinan, namun kajian mereka tampak berbeza dengan penulis. Kebanyakan kajian mereka merangkumi pelbagai aspek seperti budaya, sejarah dan agama dari pendekatan yang berbeza. Kebanyakan kajian yang dilakukan banyak dan dan pelbagai.

Justeru, penulis merasa terpenggil untuk membuat kajian mengenai analisis konsep amalan kerohanian dan kebatinan yang terdapat dalam pertubuhan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, bertujuan untuk melengkapkan lagi kajian-kajian yang telah sedia ada. Kajian dalam aspek ini amat penting bagi menilai konsep amalan kerohanian dan kebatinan dalam badan pertubuhan Persatuan Silat Cekak Malaysia supaya ia bertepatan dengan syariah Islam. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat membantu badan-badan rasmi agama di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Negeri (JAIN) untuk mengawal selia dan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia dalam mengatur aktiviti yang sesuai dan bertepatan dengan kehendak Islam.

Rujukan

Abdul Majid Ismail (2002), Penerapan Jati Diri Melalui Ilmu Bela Diri: Pendekatan Seni Silat Cekak Malaysia, *Prosiding*

¹ Kaedah A merupakan salah satu pergerakan menangkis yang terdapat dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.

- Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial 2002: *Belia & NGO Dalam Kerja Sosial: Isu, Peranan dan Strategi*, 13-15 Ogos 2002, Hotel Legend, Kuala Lumpur, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Majid Ismail, Khaharuddin Abdul Rahman, Shahrem Md Ramli (2012), *Silat Cekak Malaysia: Pergerakan Mono Religion Bukan Mono Race dalam Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun & Rahimah A Hamid (edt). Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara*, Jilid 2, Menelitis Kosmologi dan Adat Istiadat, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Majid Ismail, Roziah Abdullah (2003), *Gejala Sosial di Sekolah Sebagai Kesan Sampingan Pembangunan Dan Cara Mengatasi: Pengalaman Pengamal Ilmu Bela Diri, Prosiding Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran: Cabaran Pembangunan & Dilema Persekitaran*, 12-13 September 2003, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad (2006), *Memupuk Nilai Dan Kesjahteraan Keluarga Melalui Ilmu Bela Diri dalam Abd Rahim Abd Rashid et. Al. Insituti Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad (2008), *Kegiatan Kokurikulum Bukan Punca Pretasi Akademik Pelajar Menurun: Kajian Kes Pelajar Kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia, Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan NASDEC 2008: Pembangunan Pelajar Ke Arah Modal Insan Terbilang*, 22-23 Oktober 2008, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Majid Ismail, Safiah Ahmad (2011), *Terpinggirnnya Adab dan Adat Dalam Kehidupan Bangsa di Malaysia: Pengalaman Pengamal Budaya Persilatan Seni Silat Cekak Malaysia, Prosiding Kongres Antarabangsa Bahasa dan Budaya*, Jilid 1, Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Abdul Malik Karim Abdullah (1976), *Perkembangan Kebatinan Di Indonesia*, Jakarta, Bulan Bintang.
- Abdul Shukor Haji Husin (2000), *Kerohanian Islam: Hakikat Dan Kekeliruan*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kuala Lumpur, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia.
- Abdulfatah Haron Ibrahim (2000), *Wahdat al-Wujūd Cara Penyerapannya Dengan Cara Batiniyyah*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kuala Lumpur, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia.
- Amran Mohd Nor (1993), *Alam Kebatinan Dalam Senibina Rumah Melayu*, Shah Alam, Insititut Teknologi MARA.
- Aslinda Khamis (2002), *Sejarah Lisan Warisan Dan Perkembangan Seni Silat Gayong Malaysia*, Jabatan Sejarah dan Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, Perak, Universiti Sultan Idris (UPSI).
- Awang Suhaili Haji Mohiddin (2000), *al-Bathiniyyah dan Pengaruhnya di Brunei Darussalam*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia, Kuala Lumpur.
- Darmawati (2015), *Persembahan Luambek Dalam Alek Nagari Di Pariaman Minangkabau Sumatera Barat Indonesia: Makna Dan Falsafah*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Fakhrurrozy M. A. (2002), *Pengalaman Organisasi Islam di Indonesia Dalam Menangani Perkembangan Kebatinan*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kuala Lumpur, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia.
- Ghazirah Mustapha, Jamaluddin Mahmud, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Muzammer Zakaria (2014), *The Mechanical Aspect of Martial Arts: Total Time of Execution And Kinematics of Kaedah A, Proceeding of the International Collouium on Sport Sciences Exercise, Engineering and Technology 2014 (ICoSSEET 2014)*, Springer.
- Ghazirah Mustapha, Jamaluddin Mahmud, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Muzammer Zakaria (2014), *Biomechanics Research on Martial Art: The Importance of Defensive Study, Archives of Budo Science of Martial Art and Extreme Sports*, Vol. 11, Archives of Budo.
- Ghazirah Mustapha, Nur Hayati Mohd Yahya, Jamaluddin Mahmud, Mohd Saiful Aizat Mohd Shafie (2014), *Measurement System Analysis Of Vs Lite, Applied Mechanics and Materials*, Vol. 680, Switzerland Trans Tech Publications.
- Ghazirah Mustapha, Wan Ruzaini Wan Sulaiman, Anwar P.P. Abdul Majeed, Nur Hayati Mohd Yahya, Jamaluddin Mahmud (2014), *Kinematics and Efficacy Analysis of the Seni Silat Cekak Malaysia (Kaedah A), Applied Mechanics and Materials*, Vol. 680, Switzerland, Trans Tech Publications,.
- H Ahmad (2014), *Pembangunan Modal Insan Dari Aspek Kerohanian Menurut Akhlak Islam*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- H. M. As'ad el-Hafidy (1982), *Aliran-Aliran Kepercayaan dan Kebatinan Di Indonesia*, Jakarta, Ghalia Indonesia.
- H. M. Rasyidi (1967), *Islam dan Kebatinan*, Jakarta, Bulan Bintang.
- H.A. Yaakob Matondang (2000), *Penyelewengan Akidah Dan Syariah Dalam Aliran Kebatinan Di Indonesia*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kuala Lumpur, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia.
- Halimah Haji Ahmad (1977), *Hanafi Haji Ahmad Dan Seni Silat Cekak*, Kuala Lumpur Universiti Malaya.
- Hanafi Haji Ahmad (2009), *Peranan Ulama Dalam Dunia Persilatan*, Kertas Kerja dalam *Budaya Cekak*, Selangor, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.
- Ishak Itam (1992), *Konsep dan Ciri Keagamaan Dalam Silat Cekak*, Kuala Lumpur, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.
- Kiki Muhamad Hakiki (2011), *Politik Identitas Agama Lokal: Kajian Khusus Aliran Kebatinan, Jurnal Analisis*, Jil. XI, No. 1. Indonesia.
- Luq Fatmawati (2013), *Optimalisasi Layanan Bimbingan Rohani Islam Bagi Pasien Rawat Inap Di Rumah Sakit Roemani Muhammadiyah Semarang*, Semarang, Institut Agama Islam Negeri Wali Songo.
- Mohd Haniff Hassan (2000), *Penyelewengan Kebatinan di Singapura*, Seminar Kebatinan Serantau, Tarikh: 15-16 September 2000, Kuala Lumpur, Kolej Universiti Islam Sains Malaysia.
- Mohd Nefi Imran Djamaan (1997), *Ulu Ambek, Silat Dan Tari Dalam Adat Minangkabau*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Mohd. Muhaizam bin Md. Ishak (2009), *Amalan Kerohanian Dan Kebatinan Dalam Seni Bela Diri Orang Melayu: Kajian Terhadap Kefahaman Dan Amalan Dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Mohd. Muhaizam Md. Ishak (2012), *Amalan Kebatinan Dalam Seni Silat Melayu: Analisis Terhadap Dasar Menentang Lima Perkara Dalam Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia*, The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 11-12 Disember, Perak, Malaysia.
- Morliyati Mohammad (2010), *Pembentukan Model Kerohanian, Kesejahteraan Dan Kualiti Hidup Di Besut Dan Di Kuala Terengganu*, Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu.
- Muhammad Luthfi Ubaidillah (2004), *Sufisme dan Kebatinan Tentang Manusia: Studi Banding Pemikiran Ibn al-Arabi dan Ranggawarsita*, Indonesia, Universiti Indonesia.
- Muklis Koirudin (2009), *Pandangan H.M. Rasjidi Tentang Kebatinan: Kajian Atas Buku Islam dan Kebatinan Karya H.M. Rasjidi*, Yogyakarta, Universiti Islam Sunan Kalijaga.
- N. Huda (2013), *Aliran Kebatinan Darmagandhul Dalam Pendidikan Islam*, Indonesia, Universiti Islam Negeri Surabaya.
- Norfadilah Abdul Rahman, Zakaria Stapa (2014), *Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini, Prosiding International Conference of Intergration Knowledge*, 15-16 September 2014, Bandung, Indonesia.
- Panji Nugoroho (2010), *Aroma Tasawuf Dalam Kitab Kebatinan Serat Wirid Hidayat Jati*. Lihat juga, http://www.academia.edu/4751374/Aroma_Tasawuf_dalam_Kitab_Kebatinan_Serat_Wirid_Hidayat_Jati. Laman web ini diakses pada 11 Februari 2016.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty, Rozali Rosmawati, Mohamad Rasit, Zainab Ismail (2012), *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar, Jurnal AJTLHE*, Vol. 4, No. 2, Bangi, Universiti Kebangsaan

Malaysia.

Satoru Tsunashima (2004), *Perubahan Peranan Dan Fungsi Insitisi Persilatan Melayu Di Semenanjung Malaysia*. Penang, Universiti Sains Malaysia.

Siti Sarawati Hj. Johar & Ishak b. Mad Shah (2011), Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam Al-Ghazali, *International Management Conference (IMaC2011)*, 16th-17th April 2011, Kuala Terengganu, Taman Tamadun Islam.

Tuan Ismail Tuan Soh (1986), *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebun*, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Abdul Halim Wan Omar (2004), *Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia Sejarah Kemunculan dan Pengaruhnya: Satu Kajian Di Daerah Machang, Kelantan, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya*.

Yuseri Ahmad, Sapora Sipon & Marina Munira Abdul Mutalib (2007), Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah, *Jurnal Anti Dadah Malaysia*, Jil. 2, Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Zubaidi Wahyono (2009), *Ajaran Aliran Kebatinan di Indonesia dan Hubungannya Dengan Ajaran Tasawuf*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.